

# Peliharaan khazanah biodiversiti hutan negara

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

KUCHING 7 Nov. - Semua pihak perlu bekerjasama memelihara dan mengekalkan kekayaan khazanah biodiversiti hutan negara supaya ia tidak pupus akibat pembalakan, penerokaan tanah yang tidak teratur dan pencemaran.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, memandangkan kekayaan biodiversiti negara terletak di setiap negeri menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan ia dipelihara sebaik mungkin.

Beliau berkata, pengurusan hutan secara bestari perlu dilakukan oleh semua pihak demi memanfaatkan pembangunan pertanian negara pada masa depan.

"Semua pihak perlu kerjasama supaya segala kekayaan khazanah biologi dikekalkan malahan ia perlu ditambah dari segi nilainya, menerusi penyelidikan tambahan pula kita merupakan antara 12 negara di dunia paling kaya dari segi biodiversiti.

"Tetapi itu semua tiada gunanya jika kekayaan khazanah biodiversiti itu tidak memberi faedah kepada rakyat," katanya selepas merasmikan Persidangan Biodiversiti Kebangsaan pertama di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Abd. Shukor Abd. Rahman dan Ketua

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Dr. Abdul Aziz Jamaluddin.

Menurut Muhyiddin, seperti Sarawak yang kaya dengan flora dan fauna, tumbuhan herba dan mikroorganisma yang bernilai tinggi, mempunyai undang-undang yang dikuatkuasakan bagi melindungi khazanahnya supaya tidak dicuri atau dimusnahkan.

Beliau berkata, aspek yang tidak kurang penting ialah kesedaran mengenai pentingnya nilai biodiversiti di kalangan generasi muda.

Katanya, ramai yang masih tidak sedar hutan flora fauna negara banyak khazanah yang tidak ternilai dan ia musnah akibat pembangunan.

"Sebagai contoh tongkat ali yang terkenal kerana pelbagai khasiat, diambil secara berleluasa dari hutan.

"Tetapi sumber itu (tongkat ali) akan pupus akibat penerokaan yang tidak bestari serta tiada usaha untuk menanam semula tumbuhan berkegunaan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, kepelbagaian biologi pertanian khususnya sumber genetik tanaman penting dalam memajukan pertanian negara.

Beliau berkata, ia dilakukan dengan penghasilan gen atau unit baka yang lebih baik.

"Kemajuan pertanian negara menjamin bekalan makanan negara mencukupi kerana dianggarkan penduduk negara ini akan mencecah 28 juta orang pada 2010," katanya.